

**SILA SEMAK SEMASA UCAPAN
EMBARGO SEHINGGA UCAPAN SELESAI**



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN HARI GAYA HIDUP HIJAU

12 JANUARI 2024 (JUMAAT)

**RUANG LOBI F11,
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES),
PUTRAJAYA**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

- 1. Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam;
- 2. Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha;
- 3. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;**
- 4. Pegawai-Pegawai Kanan NRES;**
- 5. Rakan-rakan media,**
- 6. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita semua dapat bersama-sama berkumpul untuk memeriahkan majlis pelancaran Hari Gaya Hidup Hijau di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, bersesuaian dengan tema program ini, iaitu 'Meraikan Kelestarian Alam Sekitar'.

2. Sesungguhnya, saya amat berbesar hati berada di sini hari ini menyaksikan komitmen warga kementerian kita untuk menjayakan program yang bertujuan untuk menggalakkan orang ramai, khususnya penjawat awam untuk menjadikan amalan gaya hidup yang mampan dan prihatin terhadap alam sekitar ini sebagai usaha bersama kita untuk menyumbang kepada kesejahteraan negara dan bumi yang diamanahkan kepada kita ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Mungkin masih ada lagi dalam kalangan orang awam yang masih belum menghayati sepenuhnya apa yang dimaksudkan dengan konsep Gaya Hidup Hijau yang cuba diketengahkan oleh NRES ketika ini. Secara umumnya, idea mempromosi gaya hidup hijau ini adalah cara hidup yang mesra alam sekitar dan tenaga. Ia merangkumi aspek mengurangkan impak terhadap alam ini, di samping meningkatkan kesihatan, kebahagiaan dan produktiviti kita. Ia bukan sahaja bermanfaat untuk bumi kita, bahkan untuk diri kita dan masyarakat secara keseluruhannya.
4. Justeru, adalah menjadi komitmen Kementerian, untuk menggembeleng tenaga bagi merencanakan kempen gaya hidup hijau ini bagi mendorong perubahan mampan, menggalakkan kitar semula dan menyokong komitmen bagi mencapai sifar sisa pembungkusan menjelang 2040.

PENJAWAT AWAM SEBAGAI EJEN PERUBAHAN GAYA HIDUP HIJAU

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. “Gaya Hidup Hijau” mempunyai makna yang luas tetapi boleh disimpulkan sebagai “cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan dengan menekankan penjagaan atau usaha dalam memelihara alam sekeliling”. Dalam hal ini, sebagai sebuah Kementerian yang diamanahkan sebagai peneraju kepada kelestarian alam sekitar, kita seharusnya menjadi *role model* kepada masyarakat dalam memupuk usaha ke arah melestarikan alam sekitar.
6. Dengan kesan perubahan iklim yang semakin hari semakin ketara, ia memerlukan kita semua untuk membuat satu anjakan paradigma. Sesungguhnya, ada pelbagai ruang dan peluang untuk menyemai dan membudayakan amalan gaya hidup hijau secara individu, baik di tempat kerja mahupun di rumah kita sendiri.
7. Sebagai satu kelompok yang dipandang tinggi oleh masyarakat atas peranan kita semua dalam menyampaikan perkhidmatan awam kepada orang ramai, kita seharusnya meletakkan nilai-nilai menitikberatkan isu kelestarian dalam apa jua tindakan kita. Ini sekaligus dapat mempromosi pelbagai amalan-amalan gaya hidup hijau agar menjadi ikutan masyarakat.

8. Sebagai contoh, anda semua boleh menghentikan amalan penggunaan plastik sekali guna dengan sentiasa membawa beg-beg yang boleh diguna semula. Selain itu, anda juga boleh membawa bekas makanan sendiri ke kafeteria-kafeteria tanpa menggunakan sebarang plastik pembungkusan.
9. Pemupukan amalan mudah di peringkat individu seperti ini misalnya akan dapat menonjolkan nilai-nilai gaya hidup hijau sebagai sesuatu yang tidak lagi asing di mata masyarakat.

PENGISIAN PROGRAM GAYA HIDUP HIJAU

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Sejak saya menerajui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, atau NRECC, saya telah menyeru supaya kita semua menggerakkan usaha seterusnya membudayakan amalan gaya hidup hijau. Antara langkah awal yang telah diambil seperti mengelakkan penggunaan plastik sekali guna dalam mesyuarat dan mana-mana majlis rasmi Kementerian.
11. Kini, dengan adanya penganjuran program Gaya Hidup Hijau secara rasmi di bawah NRES, adalah diharapkan agar kita dapat menggerakkan usaha-usaha besar penjagaan alam sekitar, dan warga NRES harus bertindak dengan pelbagai amalan gaya hidup hijau, terutamanya dari segi aspek pengurusan sisa yang kita hasilkan secara individu. Bermula daripada inisiatif yang sedikit, usaha kecil ini bila dikumpulkan akan dilihat sebagai besar.

12. Selaras dengan **Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021-2030**, Kementerian komited untuk menggalakkan alternatif dan bahan mampan dalam pengeluaran plastik selain giat mengambil inisiatif menamatkan penggunaan plastik sekali guna yang tidak terbiodegradasi.
13. Justeru, NRES menjalinkan kerjasama strategik bersama pemain industri Klean dengan mewujudkan mesin pengumpulan botol plastik melalui **Reverse Vending Machine (RVM)** yang digerakkan berdasarkan kecerdasan buatan (AI).
14. Dengan mendeposit botol plastik ke dalam RVM, para pengguna bukan sahaja dapat membantu Kerajaan melalui pengumpulan botol plastik secara sistematik untuk tujuan kitar semula, namun pengguna juga dapat memperoleh mata ganjaran dengan pengumpulan sisa plastik ini.
15. Mesin RVM yang diperkenalkan melalui usaha kerjasama ini bukan sahaja sejajar dengan matlamat hala tuju tetapi turut menyediakan jalan untuk pengguna merealisasikan perubahan yang diingini terutama dalam menyumbang kepada Malaysia yang lebih hijau.
16. Diharap usaha ini akan diteruskan juga oleh Kementerian-kementerian dan organisasi lain untuk turut serta dalam usaha mencapai Malaysia yang lebih mampan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Pada hari ini juga, saya berbesar hati melancarkan inisiatif **TRASH4PROTECTION** dengan kerjasama Wastetowealth Holding (M) Sdn Bhd. Program ini membuka penyertaan kepada warga NRES berdasarkan pengumpulan mata hasil pembuangan sampah sehingga mencapai nilai tertentu bagi menebus mata yang dikumpul dalam bentuk perlindungan polisi insuran untuk tempoh setahun.
18. Diharapkan supaya inisiatif ini dapat menjadi pencetus dan pendorong kepada warga NRES secara amnya dan Kementerian lain khususnya untuk menerapkan amalan kitar semula.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Kehidupan dan teknologi tidak dapat dipisahkan. Penggunaan peranti mudah alih seperti telefon bimbit telah digunakan secara meluas. Walau bagaimanapun, masyarakat masih perlu sedar akan kesan barangan elektronik ini jika tidak dilupuskan dengan betul.
20. Justeru, bersempena pelancaran Hari Gaya Hidup Hijau hari ini, Kementerian turut menyediakan **platform pengumpulan e-waste (electronic waste)** kepada warga NRES dan Kompleks F secara amnya. Diharapkan agar platform seperti ini memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya warga NRES dalam memastikan e-waste diuruskan dengan baik.

21. Saya berharap supaya program-program pada hari ini menjadi pencetus kepada pembentukan warga NRES selaras dengan matlamat menjadi *role model* “Gaya Hidup Hijau” kepada masyarakat. Usaha ini akan dipelbagaikan lagi dalam program-program NRES yang akan datang.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

22. Dengan penganjuran program ini, diharap warga NRES dapat menggunakan peluang ini untuk membuktikan yang warga NRES ini mampu untuk *walk the talk* dalam usaha kita untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan untuk sama-sama berganding bahu memelihara dan memulihara alam sekitar yang kita kongsi bersama ini.
23. Sekiranya kita warga NRES mampu untuk menormalisasikan amalan gaya hidup hijau dalam kedua-dua aspek pekerjaan dan kehidupan kita sendiri, sudah tentulah kejayaan penganjuran program seperti ini boleh diaplikasikan di mana-mana sahaja organisasi kita berkhidmat.
24. Malah, penganjuran program seperti ini juga boleh melibatkan penyertaan orang awam melalui dialog, forum, tinjauan dan sesi-sesi perkongsian dan maklum balas untuk kita sentiasa dapat menambahbaik program bertemakan gaya hidup hijau ini.

25. Kerjasama ini juga boleh terus diperluas dengan sesi-sesi libat urus bersama pihak berkepentingan lain, seperti NGO, ahli akademik, media, dan sektor swasta, untuk mewujudkan sinergi dan perkongsian untuk tujuan memupuk amalan gaya hidup hijau ini di pelbagai peringkat lapisan masyarakat.
26. Saya menjemput anda semua untuk menjadi duta hijau untuk kementerian kita kerana sesungguhnya setiap tindakan positif walau sekecil mana pun jika dilaksanakan secara kolektif pasti akan boleh membuat perubahan untuk masa depan yang lebih hijau dan lebih mampan.
27. Akhir kata, saya berharap agar penganjuran program ini yang akan diteruskan sepanjang tahun ini akan diterima baik oleh semua warga NRES yang telah diamanahkan untuk menjaga kelestarian khazanah alam ini.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya ini dengan lafaz

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.